

UUM / AA87 / SH / 28.7.2026 / P:4 (1-4)

4

Oleh NORAFIDAH ASSAN, NURUL HUDA HUSAIN
dan NURUL HIDAYAH HAMID**Sinar** SUARA RAKYAT **Nasional**

SELASA 28 JULAI 2026 | SINAR HARIAN

Pengundi muda *king maker*, aspirasi mereka perlu didengar

Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan kali ini bukan sahaja menjadi medan persaingan antara parti politik, malah turut memperlihatkan bagaimana suara pengundi muda semakin berpengaruh dalam menentukan hala tuju kerajaan negeri.

Dengan statistik 213,772 pengundi berusia bawah 30 tahun daripada keseluruhan 889,490 pengundi berdaftar, golongan belia bukan lagi sekadar pelengkap statistik, sebaliknya berpotensi menjadi penentu kemenangan di banyak kerusi.

Berbeza dengan generasi terdahulu sering dikaitkan dengan kesetiaan kepada parti tertentu, anak muda kini lebih cenderung menilai siapa mampu menawarkan penyelesaian kepada masalah harian mereka.

Lebih menarik, majoriti anak muda di Negeri Sembilan menilai parti berdasarkan kemampuan me-



MASHITAH



SYAHRUDDIN


"Proses permohonan rumah mampu milik perlu dipermudahkan supaya lebih ramai golongan muda berpeluang memiliki kediaman sendiri," ujarnya.

Seorang lagi pengundi, Megat Muhammad Faris, 35, pula berkata, kerajaan perlu memberi perhatian kepada penyediaan pekerjaan berkualiti di Bagan Pinang dan tidak hanya bergantung kepada sektor pelancongan.

Menurutnya, walaupun sektor



Majoriti anak muda di Negeri Sembilan menilai parti berdasarkan kemampuan



ANALISIS

nyelesaian tiga isu utama paling dekat dengan kehidupan harian iaitu peluang pekerjaan berkualiti, rumah mampu milik dan kos sara hidup.

Ketiga-tiga isu itu saling berkait dengan realiti sedang dihadapi generasi muda memandangkan ada graduan masih bergelut mendapatkan pekerjaan setimpal dengan kelayakan, memiliki rumah dan berdepan kos sara hidup.

Pengundi muda, Nor Shafiqah Mohd Ghazali, 25, berkata, kerajaan dipilih perlu memastikan setiap bantuan dan inisiatif disalurkan kepada golongan benar-benar layak tanpa mengira latar belakang.

Menurutnya, kerajaan juga perlu menunaikan janji menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan memandangkan Negeri Sembilan kini berkembang, khususnya menerusi pembangunan kawasan Malaysia Vision Valley (MVV).

"Selain itu, isu pemilikan rumah mampu milik untuk golongan muda terutama kumpulan B40 juga perlu diberi perhatian kerana ia antara cabaran utama dihadapi ketika ini," katanya.

Pengundi muda, Tang Rui Cong, 24, pula berkata, antara perkara utama perlu diberi perhatian ialah memperluaskan peluang pekerjaan kepada belia dan mahasiswa, memperkukuh sokongan kepada usahawan muda dan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

Menurutnya, platform padanan pekerjaan perlu diwujudkan bagi membantu mahasiswa mendapatkan pekerjaan sementara ketika cuti semester, selain sokongan berterusan kepada golongan muda menceburi bidang perniagaan.



pelancongan seperti hotel dan industri makanan dan minuman (F&B) penting kepada ekonomi tempatan, ia masih belum mencukupi untuk memenuhi aspirasi belia yang memiliki kelayakan teknikal, diploma dan ijazah.

"Kerajaan perlu menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor industri berteknologi tinggi, automasi, logistik moden, tenaga hijau dan ekonomi digital bagi buka peluang pekerjaan berpendapatan lebih baik.

"Langkah ini juga dapat mengurangkan penghijrahan anak muda ke bandar besar untuk mencari pekerjaan," katanya.

Pengundi, M Mugilan, 33, pula berharap tumpuan diberikan kepada usaha memperkukuh ekonomi, menangani kos sara hidup dan menyediakan lebih banyak peluang kerjaya kepada golongan belia.

Katanya, pembangunan anak muda perlu diperkasakan menerusi pendidikan, latihan kemahiran dan peluang keusahawanan supaya mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Lebih rasional

Tuntutan anak muda itu selari dengan pandangan Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia, Profesor Madya Dr Mashitah Mohd Udin yang melihat pengundi muda kini lebih rasional dalam membuat pilihan.

Menurutnya, kumpulan tersebut tidak lagi memberikan sokongan berdasarkan sentimen atau kesetiaan tradisi kepada parti, sebaliknya menilai keaslian, kredibiliti serta kemampuan sesebuah parti menawarkan penyelesaian terhadap isu yang dekat dengan kehidupan mereka.

Katanya, golongan itu mahukan pen-

menyelesaikan tiga isu utama paling dekat dengan kehidupan harian iaitu peluang pekerjaan berkualiti, rumah mampu milik dan kos sara hidup. - **Gambar hiasan**



SYAFIQAH



RUI CHONG



MUGILAN



FARIS

dekatan benar-benar menyentuh keperluan harian mereka, khususnya berkaitan peluang pekerjaan berkualiti, kos sara hidup, pemilikan rumah pertama dan sebagainya.

"Dalam PRN kali ini, pengundi muda bukan lagi sekadar pelengkap kepada jumlah pengundi, tetapi berpotensi menjadi *king-maker* di banyak kerusi campuran dan majoriti Melayu.

"Parti yang mampu memahami aspirasi mereka melalui dasar yang praktikal, komunikasi berkesan dan kepimpinan diyakini mempunyai kelebihan untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya.

"Dalam konteks ini, tingkah laku peng-

undi muda selari dengan pendekatan Teori Pilihan Rasional iaitu cenderung membuat pilihan berdasarkan manfaat dijangka dapat diperoleh, bukannya semata-mata berdasarkan sentimen atau kesetiaan kepada sesebuah parti," ujarnya.

Lebih responsif

Pandangan hampir sama dikongsi penganalisis politik Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Dr Syahrudin Awang Ahmad bahawa pengundi muda lebih responsif terhadap tawaran dasar memberi penyelesaian kepada isu ekonomi dan survival kehidupan.

"Bagi saya, golongan muda hari ini lebih responsif terhadap naratif dasar berorientasikan penyelesaian isu kos sara hidup, peluang pekerjaan berkualiti serta elaun latihan industri berbanding retorik politik tradisional.

"Ini kerana golongan tersebutlah sedang bergelut dengan situasi semasa terutama hal berkaitan ekonomi dan *survival* untuk hidup baik sebagai orang bujang, kelompok belia baharu memulakan hidup sebagai keluarga atau baru berkahwin dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, parti bertanding perlu mengambil peluang dengan mengetengahkan tawaran manifesto yang praktikal mengikut konteks semasa seperti pemerkasaan ekonomi gig, perumahan mampu milik dan program kemahiran teknologi tinggi.

Katanya, sentimen semasa semata-mata belum mencukupi untuk menarik pengundi muda dalam memilih parti bertanding, sebaliknya ia perlu disusuli kempen yang lebih dekat dengan golongan tersebut.